

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB**  
**[ MACHANG ]**

**DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [MACHANG]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bagaimanakah keadaan penyalahgunaan subsidi gas LPG domestik untuk kegunaan industri pada ketika ini, adakah ianya berada ditahap yang membimbangkan.

**JAWAPAN:**

Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah dalam penyalahgunaan subsidi Gas Patroleum Bersubsidi (LPG).

Bagi tempoh 2017 hingga Disember 2018, sebanyak 440 kes sindiket penyelewengan LPG bersubsidi telah berjaya dipatahkan dengan rampasan dianggarkan bernilai hampir RM 7.54 juta. Kesemua mereka yang terlibat berhadapan dengan hukuman denda sehingga RM3 juta atau penjara sehingga 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Selain hukuman denda, tindakan penggantungan dan pembatalan lesen turut dikenakan ke atas mana-mana pihak yang bersekongkol atau terlibat secara langsung dalam kegiatan tidak bertanggungjawab ini.

Bagi membanteras kegiatan tidak bertanggungjawab ini, tindakan penguatkuasaan yang holistik telah dilaksanakan dibawah operasi khas yang diberi nama OPS GASAK 2 bersama-sama agensi penguatkuasa lain di dalam negara bagi memerangi penyelewengan bahan petroleum bersubsidi LPG. Diantara agensi penguatkuasaan yang terlibat adalah Polis DiRaja Malaysia, Pasukan Polis Marin, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Kastam DiRaja Malaysia dan juga Agensi Kawalan Sempadan Malaysia.

Selain itu, dalam usaha untuk menggandakan usaha penguatkuasaan seluruh Malaysia pada tahun 2019, penguatkuasaan akan turut ditumpukan kepada sektor industri bagi memastikan tiada penggunaan LPG bersubsidi dan juga bagi memastikan bekalan LPG yang mereka terima samada dalam bentuk silinder komersil ataupun *bullet tank* adalah daripada sumber-sumber yang sah.